

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, December 5, 2017 4:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SICONSEM 2017 Tangani Isu-Isu Sains Sosial Dan Pengurusan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



5 DISEMBER 2017 / 16 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SICONSEM 2017 TANGANI ISU-ISU SAINS SOSIAL DAN PENGURUSAN



UUM ONLINE: Langkawi - Perkembangan terkini dan isu-isu sains sosial dan pengurusan yang timbul pada hari ini lebih-lebih lagi ketika dunia menuju era Revolusi Industri 4.0 membawa perubahan dan cabaran baru kepada dunia akademik dan pendidikan negara.

Penyelidik, ahli akademik dan pelajar juga perlu berubah selari dengan perubahan yang berlaku ini.

Sehubungan itu, UUM Press menganjurkan Sintok International Conference on Social Science & Management (SICONSEM 2017) untuk mempromosikan jurnal-jurnal terbitan UUM dan memberi peluang kepada ahli akademik untuk bertukar-tukar pandangan, pengalaman dan berbincang mengenai perkara tersebut.

Konferen ini berjaya menghimpunkan lebih 100 ahli akademik dalam pelbagai bidang.

Bertemakan *Managing Trends & Issues In Social Science And Management*, konferen yang berlangsung pada 4 hingga 5 Disember ini, dimulai dengan ucapan pembukaan oleh Pengerusi Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng, Professor Tan Sri Dato' Paduka Dr. F'ng Ah Seng, yang juga merupakan penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah UUM.

Beliau dalam ucapannya menekankan kepentingan untuk melakukan perubahan seperti perubahan dari segi Pengurusan yang merupakan faktor penting yang diperlukan seseorang individu untuk mencapai kejayaan seperti dinyatakan dalam buku tulisannya *The Unique Entrepreneur, Doing It My Way*.

Selain itu beliau juga menekankan kepentingan untuk seseorang bijak merancang, menentukan objektif dan mencapai sasaran agar perancangan yang dibuat boleh dilaksanakan dengan berjaya termasuk dalam bidang penyelidikan.

Sebanyak 106 kertas kerja dibentangkan dalam SICONSEM 2017 merangkumi topik seperti Teknologi komunikasi dan maklumat, pengajian antarabangsa, pembelajaran dan arahan, undang-undang dan pengurusan perniagaan yang dilaksanakan dalam enam sesi selari.

Konferen kali pertama ini juga menampilkan kelainan apabila kesemua Ketua Pengarang Jurnal UUM terlibat secara langsung dalam penganjurannya.

Mereka adalah terdiri daripada Prof. Dr. Rosna Awang Hashim (Malaysian Journal of Learning and Instruction), Prof. Dr. Ku Rohana Ku Mahamud (Journal of Information and Communication Technology), Prof. Dr. Sobri Minai (International Journal of Management Studies), Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail (Malaysian Management Journal), Prof. Dr. Nur Adiana Hiau Abdullah (International Journal of Finance and Banking), Prof Madya Dr Mohammad Fuad Othman (Journal of International Studies) dan Prof. Dr. Asmah Laili Yeon (UUM Journal of Legal Studies).

Konferen ini turut diisi dengan tiga sesi ucap utama iaitu "The Creation of Uniqueness" yang disampaikan oleh Tan Sri Fng Ah Seng; "Balancing Between Humanity and National Interest: Managing Intra Boundary Conflicts in An International Society" oleh Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Razali Ismail dan "Why Learning Experience Matters in a Framework of Teaching Excellence for Higher Education" oleh Prof. Dr. Rosna Awang Hashim.

Turut diadakan bengkel "Let's Make the Invisible, Visible: Way Forward for the Malaysian Scholarly Journal" yang dikendalikan oleh Ketua Pusat Sitasi Malaysia, Prof Madya Dr Zuraidah Abd Manaf.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.